



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 20 DISEMBER 2024**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|----------------------|--|---|
| 1. 2. 3. 4. | UMUM KARTEL PADI AWAL TAHUN DEPAN, LOKAL, HM -17 TANAM PADI 5 MUSIM TINGKAT HASIL 46,000 TAN, NASIONAL, BH -18 44,139 PESAWAH MADA TERIMA BANTUAN, JERLUN, SH -27 BID TO BOOST PADI PRODUCTION IN MADA BY 50% SAYS MAT SABU, NATION, THE STAR -6 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 5. 6. 7. 8. | STOP THE SEED BILL, GOVT URGED, NATION, THE STAR -6 VEGETABLE FARMERS WANT STRONGER GOVT SUPPORT, NATION, THE STAR -6 BANCI PERTANIAN 2024 BANTU DAPATKAN MAKLUMAT KOMPREHENSIF, NASIONAL, SH -13 MASA TRANSFORMASI LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA, RENCANA, UM -14 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 20/12/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

Alor Setar: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka mengumumkan laporan kajian mengenai kartel padi dan beras pada awal tahun depan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, laporan itu ketika ini sudah berada di peringkat akhir.

Menurutnya lagi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) juga akan turut akan memperkenalkan program atau pendekatan baharu yang akan turut diumumkan kemudian.

“Sekarang ini di peringkat

Umum kartel padi awal tahun depan

paling intensif dibuat kajian itu. Insya-Allah (di peringkat KPKM) Ketua Setiausaha (KSU) mengepalai program yang terdekat kita akan umumkan program-program baru berkenaan.

“Kalau saya umum sekarang bocor nanti KSU marah, awal tahun depan akan diumumkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis

Menandatangani Perjanjian Konsesi Cadangan Pembangunan Infrastruktur Bagi Menyokong Program Penanaman Padi Lima Musim Dalam Tempoh Dua Tahun di Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), di sini, hari ini.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Dr Fuziah Salleh dilaporkan berkata, beliau sudah meneliti laporan kajian kartel padi dan beras yang disiapkan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

KPKM juga akan turut akan perkenal program atau pendekatan baharu

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------------|----------|------------|
| 20/12/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |



Mohamad pada Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi Cadangan Pembangunan Infrastruktur Bagi Menyokong program penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun dalam kawasan MADA di Alor Setar, semalam. (Foto Wan Nabil Nasir/BH)

Tanam padi 5 musim tingkat hasil 46,000 tan

Alor Setar: Program penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dijangka meningkatkan hasil padi kira-kira 46,000 tan, secara tidak langsung melonjakkan pendapatan pesawah.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata hasil padi yang kini secara purata lima tan sehektar berpotensi mencapai 5.6 tan sehektar apabila Fasa 1:15 Blok Pengairan Tersier di bawah program itu dibangunkan.

Katanya, pengeluaran padi dijangka meningkat daripada 775,000 tan dengan nilai RM1.008 bilion kepada 821,000 tan dengan nilai RM1.068 bilion, iaitu peningkatan enam peratus di kawasan itu.

“Purata kenaikan pendapatan kasar bagi pesawah pula dijangka daripada hampir RM31,000 kepada RM46,000 setahun dengan terlaksana musim tambahan tanam padi.

“Peningkatan pendapatan ini 50 peratus yang akan memanfaatkan seramai 6,127 pesawah di kawasan seluas 10,730 hektar

yang terbabit,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi Cadangan Pembangunan Infrastruktur Bagi Menyokong program itu di Ibu Pejabat MADA, di sini, semalam.

Mohamad berkata, fasa pertama program itu bernilai RM761.23 juta membabitkan Pembangunan dan Penyelenggaraan 15 Blok Sistem Pengairan Tersier (RM526.37 juta) dan Projek Pemulihan Menyeluruh Empangan Pedu (RM234.86 juta).

20/12/2024

SINAR
HARIAN

JERLUN

27

44,139 pesawah MADA terima bantuan

Sebanyak RM26.48 juta disalurkan KPKM untuk ringankan beban golongan tersebut

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR

JERLUN

sumbangan tersebut merupakan satu skim bantuan khusus untuk golongan pesawah padi yang berdaftar dengan agensi yang dilantik oleh KPKM.

Menurutnya, sebanyak RM200 sebulan akan diagihkan untuk tempoh tiga bulan atau musim penanaman padi.

"Kita mengharapkan bantuan ini dapat membantu meringankan beban pesawah yang menghadapi kesan perubahan cuaca yang tidak menentu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan penyerahan BKST Fasa 2 Tahun 2024 pada Program Ihsan Madani di pekarangan Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA F-II Jerlun, di sini pada Khamis.

Menurut Mohamad, pemberian BKST mula disalurkan bermula pada Tahun 2023 selepas dibentangkan di dalam sesi Belanjaan 2023 pada 7 Oktober 2022 oleh Perdana Menteri.

Beliau berkata, pesawah yang



Mohamad (tiga kanan) menyerahkan BKST Fasa 2 Tahun 2024 pada Program Ihsan Madani di pekarangan PPK MADA F-II Jerlun pada Khamis.

layak akan menerima bantuan tunai yang disalurkan terus ke dalam akaun sedia ada atau akaun Agrobank pesawah dalam tempoh tujuh hari bekerja daripada tarikh pengesahan MADA.

Pada majlis sama, Mohamad turut menyempurnakan penyerahan replika cek Bantuan Wang Ihsan Tabung Bencana

Tanaman Padi (TBTP) Tahun 2024 berjumlah RM10.49 juta kepada 4,854 orang pesawah MADA sebagai simbolik kelulusan peruntukan pihak kerajaan kepada para pesawah.

Pada waktu sama, beliau turut menyarankan seluruh pesawah di kawasan MADA dan termasuk seluruh Malaysia untuk menyertai Skim Takatui Tanaman Padi (STTP).

Menurutnya, ia sebagai perlindungan sewaktu menghadapi risiko terjejas tanaman padi disebabkan faktor bencana alam serta penyakit tanaman atau rosak.

Mohamad berkata, melalui skim ini, para pesawah akan menerima pampasan atau bantuan kewangan apabila mereka mengalami kerugian sewaktu mereka mengusahakan tanaman padi.

Stop the seed Bill, govt urged

Proposed law to protect farmers will only harm us, say groups

By KHOO GEK SAN
gekstan@thestar.com.my

PETALING JAYA: The planned law on plant seed quality that is slated to be tabled in Parliament next year is drawing flak from the very farmers that it is supposed to protect.

Farmers' groups have urged the government to halt the tabling of the Crop Seed Quality Bill in Parliament, citing a lack of transparency, insufficient consultation with farmers and NGOs, and potential threats to farmers' rights and livelihoods.

Nurfitri Amir Muhammad, chief coordinator of the Malaysian Food Sovereignty Forum (FKMM), which represents several farmers' organisations and civil society groups, said they want the Bill to be deferred because of low transparency on the matter and few comprehensive consultations with the relevant parties, especially small to medium-scale farmers as well as environmental and agricultural NGOs.

Their concerns come following the announcement by Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu in Parliament on Nov 18 that the Agriculture Department had conducted a series of briefings and performed a regulatory impact analysis (RIA) related to the Bill.

This law requires anyone engaged in seed processing and distribution to obtain a licence from the ministry.

Nurfitri Amir said the regulatory impact statement (RIS) for the Bill, released by the Malaysian Productivity Corporation on June 22, 2018, had not complied with the standard RIS process.

"The first consultation with some of us was only held in 2019. As far as we know, no consultation with farmers or the public ever took place before that RIS was issued in 2018.

"This only makes the RIS an unreliable foundation for introducing the Bill," he said.



Growing the best: Farmers busy tending to vegetables grown at a farm at Changkat Kinding in Ulu Kinta in this file photo.
— RONNIE CHIN/
The Star

Nurfitri Amir also said FKMM had engaged with Agriculture Department officials three times since the Bill was drafted – once in 2019, initiated by the forum, and twice in 2024, via a third-party invitation.

Regrettably, he said, the department did not hold any talks with FKMM.

"During our initial 2019 meeting, we were briefed on some aspects of the Bill but denied access to its text," he added.

He also said they are seriously concerned about the stipulation under the Bill that anyone involved in processing, distributing, sharing and selling plant seeds will need a licence.

Failure to comply would result in fines ranging from RM100,000 to RM200,000 and up to three years' imprisonment.

Nurfitri Amir acknowledged the Bill's aim to shield seed buyers from falling victim to deception but argued that the licensing requirement, including for small farmers, could potentially consolidate the power of seed companies.

He underlined the values of

small farmers' traditional practices of saving, sharing and selling seeds on a small scale to family and friends for agrobiodiversity and livelihood.

He feels that the Bill's objectives could be achieved through existing laws, provided there is adequate consultations with farmers and the public.

Nurfitri Amir also said that farmers and civil society groups have pointed out several key concerns about the Bill, including restrictions on farmers' rights, cost increases due to licence fees and laboratory tests, enhancement of company monopolies, negative impacts on agrobiodiversity and the imposition of heavy fines and jail sentences on farmers and the public.

"The proposed Bill is not just a threat to our livelihood, but a direct assault on our rights and traditions," he added.

Chee Yoke Ling, executive director of Third World Network, a Malaysian policy research organisation, said they had gathered signatures from a coalition of 106 farmers' organisations and civil society groups representing thou-

sands of members contributing to the country's domestic supply chain, to appeal to the government to halt the planned tabling of the Bill.

She also cited Indonesia's enactment of a similar law many years ago regarding seed quality, which led to the arrest of farmers for unregistered seed planting.

Chee raised concerns about the Bill's requirement for seeds to be registered and tested in a specific way, arguing that such a top-down strategy is ineffective.

She said they intend to write to Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim and Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof, who chairs the executive committee on National Food Security Policy.

Mohamad recently announced that the Crop Seed Quality Bill would be submitted to a Parliamentary Special Select Committee before being tabled in the Dewan Rakyat.

He said the RIA process for the Bill had been in place since March 6, 2013, while the RIA process for amending the Protection of New Plant Varieties Act 2004 had started on May 15, 2019.

Bid to boost padi production in Mada by 50%, says Mat Sabu

ALOR SETAR: The five-season, two-year planting programme in the Muda Agricultural Development Authority (Mada) area will aim to increase padi production by 50%, to 46,000 tonnes annually, says the Agriculture and Food Security Minister.

Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the programme is expected to raise the current average padi yield from five tonnes per hectare to 5.6 tonnes per hectare during Phase 1, valued at RM761.23mil.

"Phase 1 will focus on the development and maintenance of 15 tertiary irrigation system blocks, costing RM526.37mil, as well as the comprehensive rehabilitation of the Pedu Dam at RM234.86mil.

"These infrastructure upgrades are projected to increase padi production from 775,000 tonnes, valued at RM1,008bil, to 821,000 tonnes, valued at RM1,068bil – a 6% increase," he said during the signing ceremony of the Concession Agreement for Infrastructure Development at Mada's headquarters here yesterday, Bernama reported.

The agreement was signed by the ministry's secretary-general Datuk Seri Isham Ishak on behalf of the government, Mada general manager Kamarudin Dahuli and MMC Engineering CEO Asroll Mansor, representing MMC Infra Padi Sdn Bhd.

Mohamad said the programme is expected to improve farmers' livelihoods, with gross income projected to grow from RM31,000 to RM46,000 annually, through the additional planting season.

"Last year, the Prime Minister announced that this programme would be implemented in phases. Initially, a total allocation of RM5bil was outlined, with this first phase, worth RM761.23mil, now underway," he added.

Vegetable farmers want stronger govt support

By ALLISON LAI
allison@thestar.com.my

PETALING JAYA: As Malaysia grapples with the ongoing impact of climate change and food security challenges, vegetable farmers are calling for stronger government support to ensure long-term self-sufficiency.

Federation of Vegetable Farmers Associations president Lim Ser Kwee stressed that the government must rethink its approach and implement innovative strategies to boost domestic food production, reduce dependency on imports and safeguard the country's future food security.

"Recently, Malaysia has faced unprecedented weather events including persistent rain, strong winds and floods that have turned fields into lakes," Lim said.

"By November, the damage to our farms was clear, with yields dropping by about 40%, causing

prices of leafy greens to rise by 30% to 40%.

"Climate change is transforming our agricultural landscape, affecting not only what we grow but also where we can grow it."

Lim called for the government to break from the status quo, advocating for revolutionary measures to ensure the nation's food security is anchored on homegrown produce rather than imports.

He also stressed the need for resilience, sustainability and autonomy in food systems.

In a recent national committee meeting, Lim said federation members from across the country highlighted both immediate and long-term concerns. He called for increased governmental support, particularly during times of disaster, noting that vegetable farmers often feel overlooked.

"Vegetable farmers are like the 'forgotten stepchild' of the government, struggling to compete with

an influx of imported vegetables during shortages.

"Farmers need systematic assistance, such as subsidies or tax exemptions," he said.

Lim also expressed concern about the future of farming, particularly for the younger generation.

"How can we convince them that farming, a vital part of our country's food security, is a worthwhile and honourable career?"

"If we don't change the narrative now, we risk compromising the well-being of future generations," he added.

Lim also urged the government to reconsider its plan to mandate Employees Provident Fund (EPF) contributions for foreign workers.

"Vegetable farmers in Malaysia employ around 30,000 foreign farmhands, most of whom are here on a short-term basis. If they voluntarily contribute to the EPF, the withdrawal process is so slow

that they often don't receive their funds until after they've returned home," he noted.

Lim said that given the perishable nature of their products, mandatory EPF contributions would place more financial burden on farmers.

"Many workers prefer not to contribute, leading them to demand higher wages or work illegally, forcing farmers to cover the extra costs," he said.

Additionally, Lim said members had called for the government to halt the submission of the Crop Seed Quality Bill to Parliament next year.

"The Bill's drafting and submission process lacked transparency and has not involved sufficient consultation with all stakeholders, especially small and medium-sized farmers as well as relevant agricultural and environmental NGOs.

"This Bill could have profound

negative impacts on farmers and society. There should be more engagement," he said.

Lim also highlighted that members want Malaysia to avoid joining the International Union for the Protection of New Varieties of Plants (UPOV) because adopting the UPOV system into the Plant Varieties Protection Act 2004 would infringe on farmers' and Orang Asli's rights to preserve, share and sell seeds from their own crops.

"The system does not suit the agricultural practices in developing countries and undermines farmers' rights and other human rights, including the right to food," he said.

The UPOV is an intergovernmental organisation established to provide and promote an effective system of plant variety protection with the aim of encouraging the development of new varieties of plants.

Banci Pertanian 2024 bantu dapatkan maklumat komprehensif



Mohd Uzir (dua dari kanan) melihat kertas gerak kerja Banci Pertanian 2024.

SHAH ALAM - Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 yang berakhir pada 10 Oktober lalu membantu mendapatkan struktur dan ciri-ciri sektor pertanian secara komprehensif bagi merangka dasar serta polisi oleh pemegang taruh atau pihak berkepentingan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, banci tersebut merangkumi isi rumah dan pertubuhan di seluruh Malaysia bagi memberikan gambaran menyeluruh mengenai sektor pertanian negara.

Menurutnya, Food and Agriculture Organization (FAO) turut menyuarakan World Programme for the Census of

Agriculture (WCA) melaksanakan penilaian untuk mendapatkan maklumat menyeluruh bagi ahli isi rumah, tempat kediaman dan blok penghitungan.

"Antara subsektor utama yang terlibat ialah tanaman, ternakan, perikanan dan akuakultur serta perhutanan dan pembalakan.

"Penyiasatan Penilaian Liputan Banci Pertanian sedang dilaksanakan bermula pada 1 November 2024 dan akan berakhir pada 31 Januari 2025.

"Walaupun tempoh pembancian telah tamat, pengusaha yang tertinggal daripada liputan banci ini masih berpeluang untuk dibanci dengan melayari



Mohd Uzir (kiri) mendengar penjelasan mengenai bancian yang dilakukan bagi mengumpul data pertanian negara.

dan mendaftar portal Banci Pertanian (www.myagricensus.gov.my) serta portal DOSM (www.dosm.gov.my/portal-main/home) sebelum 31 Disember 2024," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Mengulas lanjut, menurut Mohd Uzir, pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kementerian dan agensi yang telah memberikan kerjasama sepanjang pelaksanaan banci tersebut.

Ujarnya, kerjasama itu turut merangkumi perkongsian data, kepakaran, kemudahan logistik dan penyediaan

platform kepada pembanci:

"DOSM merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kementerian atau agensi yang telah memberikan kerjasama sepanjang pelaksanaan banci melibatkan lebih 1,390 kementerian dan agensi di peringkat Persekutuan mahupun negeri.

"Kerjasama DOSM dan kementerian serta agensi antaranya merangkumi perkongsian data, kepakaran, kemudahan logistik, penyediaan platform kepada pembanci untuk berurusan dengan pengusaha pertanian yang hasilnya menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan banci kali ini," jelasnya.



FATIMAH
MOHAMED
ARSHAD

KEPINCANGAN sektor padi dan beras yang kian berlanjutan, mengundang persoalan, perlukah Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) yang baharu diwujudkan?

Petani menyuarakan hasrat supaya LPN baharu dihidupkan semula. Hujah mereka, sudah sampai masanya sektor padi memerlukan satu lembaga yang bertanggungjawab penuh kepada pembangunan padi dan beras negara setelah sekian lama nasib petani terumbang-ambing tidak terbela dan industri ini sering dilanda pelbagai kepincangan setiap kali dilanda krisis.

Pada masa yang sama, Malaysia sekian lama menyetepikan kemampuan dalam pengeluaran bijirin lain seperti jagung, sorghum, sekoi, kacang tanah dan meneliti potensi quinoa.

Jagung memiliki potensi sebagai tanaman alternatif kepada padi dan juga bahan makanan untuk ternakan. Bijirin lain juga memiliki potensi untuk kepelbagaian penanaman, pemakanan dan juga eksport.

Sehingga kini, tiada satu bijirin pun yang menunjukkan pencapaian komersial yang membanggakan termasuk padi dan beras. Nyata penubuhan Lembaga Padi dan Bijirin Negara (LPBN) adalah tepat pada masanya. Antara bijirin ini, isu padi adalah genting kerana tidak berdaya tahan bila dicabar kepincangan pasaran.

Suara pesawah bukan omongan tetapi hakikat. Data makro dan mikro membuktikannya.

Landskap makro sektor menampilkan dengan nyata, prestasi yang sub-optimal dan kian melemah dalam semua dimensi walaupun bajet subsidi telah berlipat tiga kali semenjak 2008 dan syer subsidi pernah mengambil 40 peratus daripada perbelanjaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (kini Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan).

Antara petunjuk utama, pertumbuhan pengeluaran hanya mencapai satu peratus dalam dua, tiga dekad yang lalu, hasil padi menurun sebanyak 10 peratus daripada 4 MT/ha pada 2008 kepada 3.6 MT/ha 2022, tahap sara diri menurun daripada purata 70 peratus sebelum 2017 kepada 63 peratus 2022.

Pelarasana data kadar sara diri (SSR) mengikut

Masa transformasi Lembaga Padi dan Beras Negara



OBJEKTIF utama Lembaga Padi dan Beras Negara 2.0 (LPN 2.0) untuk membangunkan industri padi dan bijirin melalui polisi, strategi dan keutamaan kepada ekosistem yang cekap di sepanjang rantaian bekalan. - UTUSAN/PUOTRA HAIRRY

Pertubuhan Makanan Dunia (2023) mengurangkan SSR Malaysia kepada hanya 56.2 peratus untuk 2023.

Petunjuk mikro seperti pulangan kepada petani menunjukkan data yang serupa. Lebih daripada 90 peratus petani tergolong dalam B40. Purata pendapatan petani adalah kurang daripada RM1,000 sebulan.

Sawah mereka menjadi tarikan daripada perbandaran dan perindustrian terutama yang berhampiran dengan kota seperti di Alor Setar dan Pulau Pinang. Sawah di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang (IADA) Pulau Pinang mengalami penurunan kawasan sawah 1,000 ha per tahun kerana tarikan industri dan perumahan.

Selepas separuh abad di bawah perlindungan, sektor padi menampilkan ciri-ciri deindustrialisasi yang ketara. Antaranya, tiada kesan pengganda kepada ke atas pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS), inovasi yang minimum, tiada pemain baharu, struktur pasaran yang tidak bersaing dan ketidaksetaraan untung antara peserta pasaran.

Dan yang paling menyerlah sekarang adalah pengguna Malaysia hanya miliki satu pilihan ke atas beras tempatan (tempatan dan import) walaupun Malaysia kaya dengan pelbagai varieti padi aslinya. Ini adalah petanda kegagalan pasaran memenuhi keperluan pelbagai jenis beras mengikut citarasa dan kepentingan kepada kanak-kanak, pesakit, orang tua, sektor makanan dan minuman. Juga, terbukti dengan nyata, pesawah adalah mangsa besar daripada kesan polisi perlindungan ini kerana hampir kesemua petani adalah tergolong dalam kategori B40.

Dalam kata ringkas, polisi perlindungan yang bertahan selama enam dekad tanpa sebarang rombakan besar memerlukan perubahan. Cadangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk menubuhkan semula LPBN adalah langkah yang permulaan terbaik.

Malaysia telah melalui era Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) yang ditubuhkan dalam 1971 dan digantikan dengan PadiBeras Nasional Sdn Bhd (Bernas) pada 1996.

LPN SUDAH USANG?

Masalah utama LPN adalah tadbir urus yang serius kerana agensi ini diberi tanggungjawab untuk melaksanakan pembangunan keseluruhan industri dengan persetujuan kerajaan tetapi beberapa fungsinya usang. Antaranya, agihan subsidi boleh dilaksanakan secara talian terus ke pesawah tanpa orang tengah.

Sebaliknya misi utama LPN 2.0 sepatutnya menghalau kepada pembangunan industri padi dan bijirin yang berdaya saing, lestari, berdaya tahan dan setara. Ini mengambil kira landskap masa depan yang kompleks gabungan interaksi variabel seperti perubahan cuaca, teknologi disruptif, dinamik geopolitik dan pelbagai ketidaktentuan.

Lantas, objektif utama agensi adalah membangunkan industri padi dan bijirin melalui polisi, strategi dan keutamaan kepada ekosistem yang cekap di sepanjang rantaian bekalan.

Walaupun besar tuntutan ini, namun negara jiran kita membuktikan bahawa matlamat ini boleh dicapai dengan polisi dan strategi yang betul.

Untuk mencapai matlamat ini, ia melibatkan fungsi utama seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), pemindahan teknologi, kajian pasaran, pembangunan dan pemantauan pasaran, kajian pasaran, peningkatan kapasiti dan kesejahteraan pesawah serta pekebun kecil.

Agenda pertama lembaga ini mengemudi perubahan struktur secara terpinpin dan kemas.

Agenda R&D yang strategik dan terhadapan adalah penentu kemajuan industri padi dan bijirin negara di masa muka. Lembaga perlu mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mencartakan tema utama R&D dengan mengambil kira kemajuan digital, kecerdasan buatan (AI), cabaran perubahan iklim dan tuntutan matlamat pembangunan mampan (SDG).

Lembaga perlu memiliki data raya sektor padi dan bijirin untuk memantau penawaran, permintaan, perdagangan beras domestik serta antarabangsa, situasi stokpaik negara, membina sistem amaran awalan selain pembuatan keputusan berlandaskan bukti.

Agenda yang paling kritikal adalah pembangunan kapasiti petani supaya mereka boleh mandiri dan berdaya tahan.

Untuk tujuan ini dua strategi diperlukan. Pertama ekosistem pasaran yang bersaing (tanpa kongkongan daripada orang tengah yang berkuasa atau kartel antara peniaga besar). Ini dicapai melalui reformasi struktur.

Kedua, latihan dan sokongan kepada pemerksaan usaha kolektif dalam kalangan petani melalui koperasi.

Hanya koperasi adalah satu-satunya wahana yang mampu memperkuatkan kedudukan petani dalam rantaian bekalan melalui konsep 'dari petani untuk petani' dan 'demi petani'.

Kepaduan koperasi terbuka jelas seperti Koperasi Ternak Amul dimana keseluruhan ahlinya adalah penternak kecil-kecilan dan juga Koperasi Fonterra di New Zealand.

PROFESOR Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad ialah Pemegang Kursi Sekuriti Makanan di Universiti Putra Malaysia (UPM)